

Headline	SPNB Mesra bina rumah generasi kedua Felda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	197,202
Page No	51	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,481
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,442



PENGERUSI SPNB Mesra Sdn. Bhd., Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin (kanan) diberi penerangan mengenai rekabentuk RMR1M oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Mesra, Wan Azlan Wan Ab. Rahman di Kuala Lumpur semalam.

SPNB Mesra bina rumah generasi kedua Felda

KUALA LUMPUR - SPNB Mesra Sdn. Bhd. (SPNB Mesra) sedia menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) bagi membangunkan Projek Perumahan Generasi Kedua menerusi Strategi Lautan Biru.

Pengerusinya, Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat antara Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB), Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad baru-baru ini.

Justeru, Mohamed Hasnan berkata, pihaknya mencadangkan agar sebuah jawatankuasa

bersama dibentuk bagi membincangkan model perniagaan, isu kewangan dan bidang teknikal yang terlibat dalam usaha tersebut.

SPNB Mesra, yang juga anak syarikat milik penuh SPNB, sebelum ini terlibat membangunkan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) secara berkelompok di Johor iaitu di Felda Sayong, Felda Bukit Ramon, Felda Pasir Raja dan Felda Bukit Besar.

Ia melibatkan pembinaan hampir 500 unit rumah.

"Sehingga kini, SPNB Mesra berjaya menyiapkan 37,277 unit RMR1M dan sedang membina lebih 7,000 unit di seluruh negara melalui penyaluran subsidi oleh kerajaan Persekutuan," katanya.